

KUALA LUMPUR, 29 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HANYA MENGEMUKAKAN TIGA MUKA BARU DALAM SENARAI MENTERI KABINETNYA YANG DIUMUMKAN HARI INI.

MEREKA IALAH ENCIK ADIB ADAM, BEKAS KETUA MENTERI MELAKA SEBAGAI MENTERI PENERANGAN, DATUK MAK HON KAM, BEKAS TIMBALAN MENTERI KEWANGAN SEBAGAI MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DAN DATUK RAIS YATIM, BEKAS MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN SEBAGAI MENTERI TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH.

-- BERSAMBUNG 1245/AZ

B537:

KABINET - SUSUNAN 2 KUALA LUMPUR

HAMPIR SEMUA MENTERI KABINET YANG LALU KEKAL DENGAN JAWATAN MASING-MASING. DAN TIDAK ADA KEMENTERIAN YANG DIWUJUDKAN. PERUBAHAN BESAR IALAH DI PERINGKAT TIMBALAN MENTERI DENGAN PERLANTIKAN SERAMAI 12 TIMBALAN MENTERI BARU.

LIMA DARIPADA MEREKA DINAikkan DARI SETIAUSAHA PARLIMEN IAITU PUAN SHARIFAH DORAH (JABATAN PERDANA MENTERI), ENCIK MOHAMAD KASSIM AHMAD (DALAM NEGERI), ENCIK LUHAT WAN (PERTANIAN), PUAN ROSEMARY CHONG (KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN) DAN ENCIK MUHYIDDIN MOHD. YASSIN (WILAYAH PERSEKUTUAN).

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI BARU IALAH ENCIK ANWAR IBRAHIM, BEKAS PRESIDEN ABIM (BATAN PERDANA MENTERI), ENCIK SABARUDDIN CHIK BEKAS KETUA BAHAGIAN PERDAGANGAN LUAR PERNAS (KEWANGAN), PUAN NAFSIAH OMAR BEKAS PENSYARAH UPM (PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN), PUAN RAHMAH OTHMAN, PRESIDEN PERTAMA DAN ANGGOTA PERGERAKAN WANITA UMNO, (PENERANGAN), DATUK KHALIL YAAKOB, BEKAS ANGGOTA DEWAN NEGERI PAHANG (PELAJARAN) DAN DR. TAN TIONG HONG (PELAJARAN).

TIMBALAN PRESIDEN MIC ENCIK S. SUBRAMANIAM YANG MENANG DI SEGAMAT DILANTIK SEBAGAI TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.

BELIAU PERNAH MENJADI TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DALAM KABINET TUN HUSSEIN ONN TETAPI DIGUGURKAN SETELAH TEWAS DALAM PILIHANRAYA UMUM 1978 DI DAMANSARA.

-- BERSAMBUNG 1315/AZ

KABINET-SUSUNAN 3 KUALA LUMPUR

ANTARA TIMBALAN MENTERI YANG DIGUGURKAN IALAH DATUK JALAL ABU BAKAR BEKAS TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN YANG BERTANDING KERUSI DEWAN NEGERI JOHOR, DATUK NAJIB TUN RAZAK, BEKAS TIMBALAN MENTERI KEWANGAN YANG MINI MENJADI MENTERI BESAR PAHANG BEKAS TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI ENCIK ABDUL RAHIM THAMBY CHIK YANG KINI DILANTIK SEBAGAI KETUA MENTERI MELAKA DAN DATUK HAJI KAMARUDDIN ISA, BEKAS TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

ANTARA TIMBALAN MENTERI YANG DIGUGURKAN KERANA TIDAK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA UMUM BARU LALU IALAH ENCIK IDRIS RAUF BEKAS TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK ABDULLAH ABDUL RAHMAN BEKAS TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

SEMENTRA ENCIK EDMUND LANGGU BEKAS TIMBALAN MENTERI PERTAIAAN YANG TELAH DI PECAT SEBAGAI ANGGOTA SNAP KERANA BERTANDING SEBAGAI CALON BEBAS DI KAWASANG PARLIMEN SARATOK AKAN MENYEBERANG KE KERUSI BARISAN PEMBANGKANG DALAM PARLIMEN AKAN DATANG.

DI ANTARA SEMBILAN SETIAUSAHA PARLIMEN YANG DILANTIK, ENAM DARIPADA MEREKA IALAH MUKA BARU. ENCIK LAW HIENG DING KEKAL DI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SKITAR, ENCIK JAWAN EMPALING (KEBAJIKAN AM) DAN ENCIK HUSSEIN MAHMOOD (PERUSAHAAN AWAM). -- BERSAMBUNG 1342/OM

KABINET - SUSUNAN 4 KUALA LUMPUR

MUKA-MUKA BARU DALAM SENARAI SETIAUSAHA PARLIMEN IALAH DATUK LEE BOON PENG, PENERUS MCA NEGERI SEMBILAN DAN BEKAS PENERUS JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (KESIHATAN), ENCIK ZAINAL ABIDIN ZIN ANGGOTA PARLIMEN BAGAN SERAI (TANAH DAN KEMAJUAN WILAYAH), ENCIK RADZI SHEIKH AHMAD ANGGOTA PARLIMEN KANGAR (PERTANIAN), ENCIK TING LING KIEW ANGGOTA PARLIMEN BINTULU (KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN), ENCIK AU HOW CHEONG ANGGOTA PARLIMEN TELUK ANSON (TENAGA TELEKOM DAN POS) DAN ENCIK KADIR SHEIKH FADZIR ANGGOTA PARLIMEN KULIM BANDAR BARU (LUAR NEGERI).

KECUALI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, MENTERI-MENTERI LAIN KEKAL DENGAN JAWATAN MASING-MASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA JAWATAN MENTERI TERSEBUT AKAN DIISI KEMUDIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA SENARAI ANGGOTA KABINET, TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN TELAH PUN DIPERKENANKAN OLEH YANG DI PERTUAN AGONG.

KESEMUA MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI AKAN MENGANGKAT SUMPAH DI ISTANA NEGARA, ESOK. -- BERNAMA 1405/MK